

27 AUG 1998

Mahathir-Tiba

PERDANA MENTERI TIBA UNTUK LAWATAN KERJA KE SARAWAK

KUCHING, 27 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini pagi ini untuk lawatan kerja dua hari ke Sarawak dalam siri lawatannya ke seluruh negara bagi menerangkan kepada rakyat tentang kegawatan ekonomi dan cara mengatasinya.

Ketibaan beliau dari Kuala Lumpur diberi sambutan secara tradisional dan meriah dengan kira-kira 12,000 penyokong Barisan Nasional (BN) membawa sepanduk dan bendera lambang parti masing-masing .

Mereka terdiri daripada penyokong parti Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP), Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) dan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS).

Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Taib Mahmud dengan Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Amar Alfred Jabu serta Datuk Dr George Chan dan menteri-menteri kabinet negeri selain daripada ketua jabatan kerajaan Persekutuan dan negeri hadir untuk menyambut ketibaan Perdana Menteri itu.

Turut hadir ialah Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie yang juga Presiden PBDS dan Menteri Teknologi, Sains dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Deng.

Tarian tradisional pelbagai etnik di sini seperti Iban, Melayu, Melanau, Bidayuh dan Cina mengalu-alukan Perdana Menteri sejurus selepas tiba di Lapangan Terbang Kuching.

Hari ini beliau dijadualkan membuka Baraj dan Pintu Air Sarawak bernilai RM150 juta.

Pada tengah hari Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali akan menghadiri majlis makan tengah hari di Dewan Pentarama, Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) sebelum menghadiri sesi pemimpin bersama rakyat di Stadium Perpaduan.

Pada lewat petang beliau dan isteri akan melawat projek Pustaka Negeri Sarawak bagi mengetahui perkembangan terkini projek berkenaan sebelum menghadiri majlis makan malam di Dewan Undangan Negeri.

Esok, Dr Mahathir selaku Pengerusi BN akan merasmikan konvensyen PBB.

-- BERNAMA

RDY NMO